



GARIS PANDUAN PENUKARAN METER ELEKTRIK

Cetakan 2014
www.st.gov.my



AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

[AKTA 447]

GARIS PANDUAN PENUKARAN METER ELEKTRIK

GP/ST/No.40/2025

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 dan 50C Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Suruhanjaya mengeluarkan garis panduan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Garis Panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Penukaran Meter Elektrik.
2. Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Garis Panduan ini didaftarkan.

Tujuan

3. Garis Panduan ini merupakan panduan bagi menyeragamkan proses penukaran meter elektrik yang dilaksanakan oleh pemegang lesen awam.

Pindaan dan Variasi

4. Suruhanjaya berhak pada bila-bila masa, meminda, mengubah, menyemak semula atau menarik balik garis panduan ini.

Date: 1 Januari 2026

PUAN SITI SAFINAH BINTI SALLEH

Chief Executive Officer

Energy Commission

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

1	PENGENALAN	3
2	TUJUAN.....	4
3	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG	4
4	KEPERLUAN PEMATUHAN STANDARD.....	5
5	KEPERLUAN PENUKARAN METER ELEKTRIK.....	5
5.1	Meter Elektrik Sedia Ada Yang Telah Beroperasi Melebihi Jangka Hayat	6
5.2	Meter Elektrik Yang Rosak.....	6
6	PROSEDUR PENUKARAN METER ELEKTRIK.....	6
6.1	Penerangan Awal Tentang Program Penukaran Meter Elektrik Kepada Pihak Berkaitan	7
6.2	Notis Awal Kepada Pengguna Tentang Program Penukaran Meter Elektrik.....	7
6.3	Makluman Kepada Pengguna Tentang Program Penukaran Meter Pada Hari Penukaran Meter.....	8
6.4	Pemeriksaan Meter Elektrik	9
6.5	Pemeriksaan Papan Meter	10
6.6	Penukaran Meter Elektrik.....	100
6.7	Rekod Penyimpanan Meter Elektrik dan Bacaan Ujian Kejituan	11
7	KEPERLUAN KESELAMATAN	11
8	MENANGANI ADUAN PENGGUNA	12
9	PERTANYAAN DAN KHIDMAT NASIHAT	13
	LAMPIRAN.....	17

1 PENGENALAN

Meter elektrik merupakan alat bagi mengukur kuantiti tenaga elektrik yang dibekalkan oleh syarikat pemegang lesen utiliti pembekalan elektrik (“pemegang lesen”) kepada pengguna di premis-premis seperti rumah kediaman, pusat komersil, kawasan perindustrian dan sebagainya. Caj yang dikenakan oleh pemegang lesen ke atas penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna hendaklah ditentukan melalui meter yang bersesuaian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 32(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 seperti berikut:-

“Jika seseorang pengguna dikenakan caj bagi bekalan elektriknya sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya dengan merujuk kepada kuantiti elektrik yang dibekalkan, bekalan itu hendaklah diberikan menerusi, dan kuantiti elektrik hendaklah ditentukan melalui, meter yang sesuai.”

Meter elektrik hendaklah disedia dan dipasangkan pada premis pengguna di suatu kedudukan yang ditentukan oleh pemegang lesen. Jika pengguna mendapatkan bekalan elektriknya menerusi meter yang tidak bersesuaian, pemegang lesen boleh memberhentikan bekalan elektrik kepada pengguna tersebut.

Di samping itu, meter elektrik yang dipasang oleh pemegang lesen hendaklah berupaya merekodkan bacaan kuantiti bekalan elektrik dengan tepat dan mematuhi subperaturan 12(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 seperti berikut :-

“Jika meter itu didapati tidak tepat melebihi daripada tiga peratus, fi itu hendaklah dibayar balik dan akaun pengguna hendaklah dilaraskan.”

Sehubungan dengan itu, pihak pemegang lesen dikehendaki menukarkan meter elektrik yang gagal memenuhi subperaturan 12(2) di atas, dengan meter elektrik yang baru. Di samping itu, pemegang lesen juga dikehendaki menukarkan meter elektrik yang dikenalpasti rosak dan telah melebihi tempoh jangka hayat meter tersebut. Proses penukaran meter-meter elektrik yang telah tamat tempoh jangka hayatnya ini dijalankan secara berjadual di bawah satu program penukaran meter elektrik yang dilaksanakan oleh pemegang lesen.

Selain itu, pemegang lesen juga dikehendaki memastikan meter elektrik yang dipasang di premis pengguna melalui proses pengujian dan kalibrasi bagi memenuhi standard yang ditetapkan. Hanya meter elektrik yang memenuhi standard dan dilengkapi dengan logo SIRIM-ST serta ditentusahkan oleh Suruhanjaya Tenaga sahaja dibenarkan untuk dipasang di premis pengguna. Sila rujuk **Lampiran 1** berhubung label SIRIM-ST yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Bagi memastikan aktiviti penukaran meter elektrik dijalankan secara telus dan teratur, Suruhanjaya Tenaga telah membangunkan satu garis panduan bertujuan untuk menyeragamkan proses-proses penukaran meter elektrik oleh pemegang lesen. Meter elektrik yang tidak melepasi ujian kejituan, rosak dan yang telah tamat tempoh hayatnya akan ditukarkan kepada meter elektrik baru mengikut tatacara dan panduan yang ditentukan di dalam garis panduan ini.

2 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi menyeragamkan proses penukaran meter elektrik yang dilaksanakan oleh pemegang lesen. Ianya mengandungi panduan dan penerangan mengenai keperluan undang-undang, prosedur penukaran dan keperluan keselamatan di dalam proses penukaran meter elektrik di premis pengguna. Jenis-jenis meter elektrik yang terlibat dalam proses penukaran ini adalah seperti berikut:-

- Meter satu fasa - jenis elektromekanikal atau elektronik dengan arus keseluruhan tidak melebihi 100 Amps.
- Meter tiga fasa - jenis elektromekanikal atau elektronik dengan arus keseluruhan tidak melebihi 100 Amps bagi setiap fasa.

Garis panduan ini juga bertujuan untuk memberi panduan dan pemahaman kepada pemegang lesen serta pengguna mengenai tatacara dan kaedah penukaran meter elektrik di premis-premis dan ianya terpakai kepada pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah sahaja.

3 KEPERLUAN UNDANG-UNDANG

Garis panduan ini disediakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang terpakai seperti berikut:-

- *Akta Bekalan Elektrik 1990*
- *Akta Timbang Sukat, 1972*
- *Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990*
- *Peraturan-Peraturan Elektrik 1994*

4 KEPERLUAN PEMATUHAN STANDARD

Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap meter elektrik baru yang dipasang di premis pengguna telah diuji terlebih dahulu dan memenuhi standard seperti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga di dalam garis panduan: *Guidelines for Electricity Meters: Approval, Testing and Initial Verifications Requirement*. Manakala di pihak pengguna pula, mereka hendaklah memastikan bahawa hanya meter elektrik yang dilabelkan dengan logo SIRIM-ST sahaja dipasang di premis masing-masing.

5 KEPERLUAN PENUKARAN METER ELEKTRIK

Pemegang lesen hendaklah memastikan meter elektrik yang dipasang di premis pengguna sentiasa berfungsi di dalam keadaan baik dan merekodkan bacaan kuantiti bekalan elektrik yang tepat dan konsisten. Walau bagaimanapun, faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan cuaca yang berubah-ubah masih boleh menyebabkan meter elektrik menjadi rosak secara tidak sengaja dan gagal merekod bacaan dengan tepat. Oleh yang demikian, meter elektrik ini hendaklah ditukar kepada meter elektrik yang baru agar kuantiti elektrik yang dibekalkan kepada pengguna dapat direkod dengan tepat.

Garis panduan ini memfokuskan kepada keperluan penukaran meter elektrik oleh pemegang lesen yang terbahagi kepada tiga keadaan seperti berikut: -

- i) Meter elektrik yang tidak memenuhi kriteria dan pematuhan ujian kejitian;
- ii) Meter elektrik sedia ada yang telah beroperasi melebihi jangka hayat; dan
- iii) Meter elektrik yang rosak.

Garis panduan ini tidak terpakai bagi penukaran meter elektrik yang terlibat dengan kes-kes usikan atau penggunaan elektrik secara curang.

5.1 Meter Elektrik Sedia Ada Yang Telah Beroperasi Melebihi Jangka Hayat

Meter elektrik sedia ada yang telah beroperasi melebihi jangkamasa tertentu kebiasaanya mengandungi banyak komponen bergerak yang cenderung untuk haus di mana keadaan ini mempengaruhi keupayaan meter elektrik untuk merekodkan bacaan dengan tepat. Berdasarkan kepada *utility best practice*, penukaran meter elektrik adalah bergantung kepada jenis meter dan tempoh pengoperasian seperti berikut:-

- Meter jenis elektromekanikal yang telah digunakan melebihi lima belas (15) tahun; atau
- Meter jenis elektronik yang telah digunakan melebihi sepuluh (10) tahun.

5.2 Meter Elektrik Yang Rosak

Faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan cuaca yang berubah-ubah boleh menyebabkan meter elektrik menjadi rosak secara tidak sengaja. Kesan seperti karat, bahagian bergerak menjadi haus dan putaran ceper (*disk*) semakin perlahan akan menyebabkan meter elektrik merekodkan bacaan kuantiti elektrik yang tidak tepat. Kebiasaannya, meter jenis elektromekanikal lebih mudah rosak berbanding meter jenis elektronik kerana meter jenis ini mempunyai banyak komponen bergerak berbanding meter jenis elektronik.

6 PROSEDUR PENUKARAN METER ELEKTRIK

Kesemua program penukaran meter elektrik yang ingin dilaksanakan oleh pemegang lesen hendaklah mematuhi prosedur seperti yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini. Pemegang lesen hendaklah memastikan keenam-enam prosedur utama berikut dilaksanakan semasa program penukaran meter elektrik dijalankan:-

- i) Penerangan awal tentang program penukaran meter elektrik kepada pihak berkaitan;
- ii) Notis awal tentang program penukaran meter elektrik kepada pengguna;
- iii) Makluman tentang program penukaran meter elektrik pada hari penukaran meter kepada pengguna;
- iv) Pemeriksaan meter elektrik;
- v) Pemeriksaan papan meter; dan
- vi) Penukaran meter elektrik baru.

Carta aliran prosedur penukaran meter elektrik oleh pemegang lesen boleh dirujuk di **Lampiran 2.**

6.1 Penerangan Awal Tentang Program Penukaran Meter Elektrik Kepada Pihak Berkaitan

Bagi aktiviti penukaran meter elektrik yang melibatkan kelompok premis yang besar dan bilangan pengguna yang ramai, sama ada disebabkan oleh faktor penurunan kejitaan atau tamat tempoh hayat meter, ianya hendaklah dilaksanakan oleh pemegang lesen secara meluas dan terancang melalui program-program penukaran meter elektrik yang berjadual. Sebelum program penukaran meter elektrik dilaksanakan, pemegang lesen hendaklah menjalankan publisiti secara meluas kepada pihak-pihak yang berkepentingan mengenai program penukaran meter elektrik yang telah dirancang tersebut.

Publisiti dan penerangan awal ini adalah penting supaya pengguna peka terhadap program penukaran meter elektrik yang akan dijalankan. Ianya juga bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat di dalam program yang akan dilaksanakan. Untuk tujuan tersebut, publisiti dan penerangan secara meluas melalui media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa hendaklah diadakan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan timbulnya salah faham di kalangan pengguna berkaitan tujuan satu-satu program penukaran meter elektrik itu diadakan.

Walau bagaimanapun, bagi meter-meter elektrik yang rosak, pemegang lesen tidak dikehendaki untuk mengadakan publisiti atau penerangan awal tentang penukaran meter elektrik kepada pihak yang terbabit kerana ianya merupakan kes terpencil dan tidak melibatkan kelompok premis yang besar atau bilangan pengguna yang ramai.

6.2 Notis Awal Kepada Pengguna Tentang Program Penukaran Meter Elektrik

Subperaturan 6A(2), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 menyatakan bahawa pemegang lesen dikehendaki memberikan notis kepada pengguna sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam sebelum pemberhentian atau gangguan sementara bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, garis panduan ini menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan notis kepada pengguna sekurang-kurangnya **lima (5) hari** bekerja sebelum pemberhentian atau gangguan sementara bekalan elektrik bagi tujuan penukaran meter elektrik dilakukan. Pengguna hendaklah dimaklumkan lebih awal supaya mereka dapat bersedia menghadapi gangguan bekalan elektrik yang berpunca daripada kerja-kerja penukaran meter elektrik di premis mereka. Notis penukaran meter elektrik yang diserahkan kepada pengguna adalah seperti di **Lampiran 3** dan ianya perlu mengandungi butiran-butiran seperti berikut:-

- Nama, alamat premis dan nombor akaun pengguna;
- Tarikh dan masa kerja penggantian meter elektrik akan dijalankan;
- Tempoh masa pemberhentian/gangguan bekalan elektrik di premis pengguna ketika kerja penggantian meter elektrik dijalankan; dan
- Maklumat pemegang lesen termasuk butiran pegawai yang bertanggungjawab, alamat pejabat dan nombor telefon serta emel untuk dihubungi sekiranya diperlukan.

6.3 Makluman Kepada Pengguna Tentang Program Penukaran Meter Pada Hari Penukaran Meter

Pada hari di mana kerja-kerja penukaran meter akan dijalankan, pihak pemegang lesen hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab (“pegawai pemegang lesen”) yang menguruskan kerja-kerja penukaran meter elektrik melaksanakan beberapa perkara seperti berikut:-

- a) Sebelum memulakan kerja di premis pengguna, pegawai pemegang lesen hendaklah memperkenalkan diri kepada pengguna atau wakil pengguna;
- b) Pegawai tersebut hendaklah lengkap beruniform syarikat dan perlu menunjukkan kad pekerjaanya kepada pengguna atau wakil pengguna;
- c) Setelah memperkenalkan diri, satu surat makluman (seperti di **Lampiran 4**) berhubung kerja penukaran meter elektrik yang akan dijalankan pada hari tersebut hendaklah diserahkan kepada pengguna atau wakil pengguna. Surat makluman ini perlu mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:-
 - Tarikh dan masa pegawai pemegang lesen melawat premis pengguna;
 - Butir-butir pegawai pemegang lesen yang bertanggungjawab; dan
 - Nombor telefon serta emel untuk dihubungi oleh pengguna sekiranya ingin mengemukakan sebarang pertanyaan atau aduan atau menetapkan tarikh lain bagi kerja penukaran meter elektrik.
- d) Sekiranya pengguna atau wakil pengguna tiada di premis pada hari penukaran meter yang ditetapkan, maka kerja-kerja penukaran meter elektrik perlu ditangguh. Pegawai pemegang lesen adalah dikehendaki untuk meninggalkan satu surat pemakluman (seperti di **Lampiran 5**) di premis pengguna bagi tujuan temujanji semula kerja-kerja penukaran meter elektrik. Pemegang lesen dikehendaki menghubungi pengguna sekiranya tiada maklumbalas diterima daripada pengguna setelah **dua (2) minggu** dari tarikh surat pemakluman diserahkan. Temujanji semula perlu dibuat oleh pemegang lesen dengan pengguna yang terbabit.

Nota:- Bagi pemasangan tiga fasa sedia ada/asal yang tidak mempunyai register kVARh (selain domestik atau lampu awam), notis tambahan mengenai penguatkuasaan faktor kuasa

hendaklah diserahkan kepada pengguna atau wakil di premis tersebut. Notis tersebut perlu mengandungi butiran dan maklumat seperti berikut:-

- Pengguna akan dikenakan surcaj faktor kuasa sekiranya bacaan faktor kuasa pengguna kurang daripada 0.85;
- Contoh ringkas pengiraan caj faktor kuasa sekiranya bacaan faktor kuasa pengguna kurang daripada 0.85; dan
- Penguatkuasaan tarikh mula surcaj faktor kuasa akan dikenakan ke atas pengguna sekiranya bacaan faktor kuasa pengguna kurang daripada 0.85.

6.4 Pemeriksaan Meter Elektrik

Sebelum kerja penukaran meter elektrik dimulakan, pegawai pemegang lesen hendaklah memeriksa keadaan fizikal meter elektrik sedia ada di premis pengguna terlebih dahulu. Jika didapati meter elektrik di premis telah mengalami kerosakan yang bukan disebabkan oleh Kes Usikan Pepasangan Meter (KUPM), kerja-kerja penukaran meter elektrik perlu diteruskan. Namun, sekiranya pegawai pemegang lesen mendapati kerosakan meter elektrik adalah disebabkan oleh kes usikan meter, kerja penukaran meter elektrik hendaklah ditangguh dan kes tersebut perlu dilaporkan ke pejabat pemegang lesen yang berkenaan terlebih dahulu. Pemegang lesen dikehendaki menyiasat punca kes usikan meter elektrik tersebut supaya tindakan seterusnya boleh diambil. Segala rekod dan bukti yang ditemui semasa siasatan hendaklah disimpan dengan baik agar maklumat tersebut boleh digunakan sebagai bahan bukti untuk menyelesaikan kes usikan tersebut.

Setelah pemeriksaan meter elektrik secara fizikal dilaksanakan, pegawai pemegang lesen dikehendaki menjalankan ujian kejituan ke atas meter elektrik yang terdapat di premis pengguna menggunakan peralatan pengujian *portable test set (PTS)* yang bersesuaian. Bacaan parameter-parameter berikut yang diperolehi daripada peralatan pengujian PTS tersebut hendaklah direkodkan bagi rujukan masa hadapan dalam menangani sebarang aduan yang timbul selepas penukaran meter dijalankan:

- Bacaan kuantiti elektrik semasa yang dibekalkan (kWh)
- Voltan (Voltan)
- Arus (Amp)
- Faktor kuasa
- Konstan
- Peratusan ralat (%)

Walau bagaimanapun, sekiranya meter elektrik di premis didapati telah rosak, ujian kejitian terhadap meter elektrik tersebut tidak perlu dijalankan. Pegawai pemegang lesen adalah dikehendaki untuk merekodkan kerosakan tersebut bagi rujukan masa hadapan.

6.5 Pemeriksaan Papan Meter

Selepas ujian kejitian dijalankan dan bacaan parameter direkodkan, pegawai pemegang lesen dikehendaki memeriksa keadaan fizikal papan meter elektrik dan jenis sistem meter yang digunakan di premis pengguna serta mengambil tindakan seperti berikut:-

- a) Sekiranya didapati papan meter elektrik di premis telah rosak, pegawai pemegang lesen dikehendaki menggantikan papan meter tersebut dengan papan meter yang baru, serta meminda pendawaian asal kepada pendawaian jenis terbuka (*surface wiring*) seperti di dalam gambarajah di **Lampiran 6**.
- b) Sekiranya didapati pemasangan di premis pengguna masih menggunakan sistem dua meter, pegawai pemegang lesen dikehendaki untuk menanggalkan sistem meter tersebut dan menggantikannya kepada sistem satu meter, serta meminda pendawaian asal kepada pendawaian jenis terbuka (*surface wiring*).

Pegawai pemegang lesen tidak dibenarkan untuk mengenakan sebarang caj kepada pengguna bagi kerja-kerja penggantian papan meter yang disebabkan oleh keadaan-keadaan seperti di perkara 6.5(a) dan (b) di atas.

6.6 Penukaran Meter Elektrik

Setelah ujian kejitian meter elektrik dan pemeriksaan papan meter dijalankan, pegawai pemegang lesen dikehendaki menjalankan kerja-kerja penukaran meter elektrik dan menukar papan meter di premis pengguna (sekiranya perlu). Sebelum kerja-kerja tersebut dimulakan, pegawai pemegang lesen hendaklah memastikan bekalan elektrik ke premis pengguna telah dimatikan dan pemasangan elektrik adalah selamat untuk dikendalikan. Sebagai langkah keselamatan, pengguna hendaklah dimaklumkan supaya mematikan kesemua suis peralatan elektrik di premis mereka sebelum bekalan elektrik diputuskan.

Bekalan elektrik ke premis pengguna hendaklah dipulihkan setelah kerja-kerja penukaran meter elektrik siap dijalankan. Pegawai pemegang lesen kemudiannya dikehendaki mengulangi ujian kejitian ke atas meter elektrik yang baru dipasang. Seterusnya, meter elektrik hendaklah dimatikan setelah ujian kejitian dijalankan dan bacaan parameter ujian seperti di perkara 6.4 direkodkan.

Nota :-

- a) Pegawai pemegang lesen dikehendaki menyerahkan satu salinan rekod ujian kejitian yang dijalankan ke atas meter elektrik lama dan baru kepada pengguna sebagai rujukan mereka.
- b) Pegawai pemegang lesen juga dikehendaki mengemukakan maklumat tambahan kepada pengguna berkenaan bil elektrik mereka yang mungkin meningkat atau menurun pada bulan seterusnya yang disebabkan oleh perbezaan ketepatan di antara meter elektrik lama dan baru.
- c) Sekiranya terdapat pengguna yang memohon untuk mengubah kedudukan meter elektrik **dari dalam rumah ke luar dinding rumah**, pegawai pemegang lesen dikehendaki membuat temujanji dengan pengguna bagi kerja-kerja penukaran kedudukan meter elektrik tersebut sebelum penukaran meter dilakukan. Pegawai pemegang lesen tidak dibenar mengenakan sebarang caj ke atas pengguna bagi kerja-kerja mengubah kedudukan meter elektrik dari dalam rumah ke luar dinding rumah.

6.7 Rekod Penyimpanan Meter Elektrik dan Bacaan Ujian Kejitian

Pemegang lesen hendaklah menyimpan segala rekod termasuk rekod bacaan ujian kejitian meter elektrik dengan baik sekurang-kurangnya untuk tempoh **enam (6) tahun** supaya ianya boleh digunakan sebagai rujukan bagi menangani sebarang aduan yang timbul selepas penukaran meter elektrik dijalankan. Pemegang lesen juga dikehendaki mengemukakan laporan bulanan kepada Suruhanjaya Tenaga berkenaan status kemajuan satu-satu program penukaran meter elektrik yang sedang dijalankan.

7 KEPERLUAN KESELAMATAN

Pemegang lesen hendaklah memastikan kerja-kerja penukaran meter elektrik di premis pengguna dijalankan dengan selamat dan mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Ini termasuklah memastikan kerja-kerja penukaran meter elektrik dijalankan oleh orang kompeten dan orang di bawah kawalan orang kompeten (Peraturan 111, Peraturan-peraturan Elektrik 1994) serta langkah awasan keselamatan adalah mencukupi semasa kerja dijalankan (Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994).

Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kesemua peralatan perlindungan diri dan keperluan asas keselamatan seperti topi keselamatan, sarung tangan, kasut keselamatan,

tangga yang sesuai dan sebagainya, dibekalkan kepada pegawai dan pekerja yang terlibat dalam kerja penukaran meter elektrik di premis pengguna.

Pemegang lesen juga dikehendaki memastikan seorang pegawainya ditugaskan bagi menjalankan kerja-kerja penyeliaan sekiranya kontraktor luar dilantik untuk melakukan kerja-kerja penukaran meter elektrik.

8 MENANGANI ADUAN PENGGUNA

Pemegang lesen hendaklah menyimpan segala rekod dengan baik dan mewujudkan talian aduan bagi menangani isu-isu berkaitan program penukaran meter elektrik supaya ianya boleh dirujuk oleh pengguna yang ingin mengemukakan sebarang pertanyaan atau aduan. Pertanyaan atau aduan yang diterima tentang program penukaran meter elektrik perlu diutamakan oleh pemegang lesen dan segala masalah yang timbul hendaklah diselesaikan dengan segera.

9 PERTANYAAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan nasihat, sila hubungi pejabat-pejabat Suruhanjaya Tenaga atau pemegang lesen seperti alamat berikut:

Ibu Pejabat Dan Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga

IBU PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya
Tel.: 03 8870 8500
Faks.: 03 8888 8637

PEJABAT KAWASAN NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Selangor dan
Wilayah Persekutuan
Tingkat 10, Menara PKNS,
17, Jalan Yong Shook Lin,
46050 Petaling Jaya,
Selangor.
Tel.: 03 7955 8930
Faks.: 037955 8939

PEJABAT KAWASAN PULAU PINANG, KEDAH DAN PERLIS

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Pulau Pinang, Kedah
dan Perlis
Tingkat 10, Bangunan KWSP,
Seberang Jaya,
13700 Butterworth,
Pulau Pinang.
Tel.: 04 398 4957/1357/8255
Faks.: 04 390 0255

PEJABAT KAWASAN NEGERI JOHOR

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Johor
Suite 18A, Aras 18,
Menara ANSAR,
No. 65, Jalan Trus,
80000 Johor Bharu,
Johor.
Tel.: 07 224 8861
Faks.: 07 224 9410

PEJABAT KAWASAN NEGERI PERAK

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Perak
Tingkat 1, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown,
30450 Ipoh,
Perak.
Tel.: 05 253 5413
Faks.: 05 255 3525

**PEJABAT KAWASAN NEGERI
SEMBILAN DAN MELAKA**

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Sembilan dan
Melaka
Tingkat 4, Wisma Perkeso,
Jalan Persekutuan, MITC,
75450 Ayer Keroh,
Melaka.
Tel.: 06 231 9594
Faks.: 06 231 9620

**PEJABAT KAWASAN PANTAI BARAT
NEGERI SABAH**

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Pantai Barat Negeri
Sabah
Tingkat 7, Wisma BSN Sabah,
Jalan Kemajuan, Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu
Sabah
Tel.: 088 232 447
Faks.: 088 232 444

**PEJABAT KAWASAN NEGERI
KELANTAN DAN TERENGGANU**

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Kelantan dan
Terengganu
Tingkat 6, Bangunan KWSP,
Jalan Padang Garong,
15000 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel.: 09 748 7390
Faks.: 09 744 5498

**PEJABAT KAWASAN NEGERI
PAHANG**

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Negeri Pahang
Tingkat 7, Kompleks Teruntum,
Jalan Mahkota,
25000 Kuantan,
Pahang.
Tel.: 09 514 2803
Faks.: 09 514 2804

**PEJABAT KAWASAN PANTAI TIMUR
NEGERI SABAH**

Pengarah Kawasan
Suruhanjaya Tenaga Pantai Timur Negeri
Sabah
Tingkat 3, Wisma Saban,
KM12, Jalan Labuk,
W.D.T. No. 25,
90500 Sandakan,
Sabah.
Tel.: 089 666 694/695
Faks.: 089 660 279

Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) Dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)

IBU PEJABAT TNB

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
Tenaga Nasional Berhad
Ibu Pejabat,
No. 129, Jalan Bangsar,
Peti Surat 11003,
50732 Kuala Lumpur.
Tel.: 03 2296 5566
Faks.: 03 2284 0223

IBU PEJABAT SESB

Pengarah Urusan
Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB)
Wisma SESB,
Jln Tuanku Abdul Rahman,
88673 Kota Kinabalu,
Sabah
Tel.: 088 282 699
Faks.: 088 223 320

Pejabat Pembahagian Negeri TNB

PEJABAT PEMBAHAGIAN KUALA LUMPUR

Pengurus Besar (Kuala Lumpur)
Bahagian Pembahagian TNB
Tingkat 11, Wisma TNB,
Jalan Kepong,
Peti Surat 11050,
50990 Kuala Lumpur.
Tel.: 03 6250 6020
Faks.: 03 6250 6500

PEJABAT PEMBAHAGIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA / CYBERJAYA

Pengurus Besar (Putrajaya / Cyberjaya)
Bahagian Pembahagian TNB
Aras 1, Peti Surat 01-01,
Lot 3C4, 26 Boulevard, Presint 3,
62675 Putrajaya.
Tel.: 03 8886 6888
Faks.: 03 8889 3588

PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI SELANGOR

Pengurus Besar Negeri (Selangor)
Bahagian Pembahagian TNB
Aras 7 Menara MRCB,
No. 2 Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14,
40000 Shah Alam,
Selangor.
Tel.: 03 5522 4000
Faks.: 03 5522 4181

PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI SEMBILAN

Pengurus Besar Negeri (Negeri Sembilan)
Bahagian Pembahagian TNB
Jalan Dato' Bandar Tunggal,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel.: 06 765 2150
Faks.: 06 764 4271

PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI PERLIS

Pengurus Besar Negeri (Perlis)
Bahagian Pembahagian TNB
Wisma TNB, Bulatan Jubli Emas,
01000 Kangar,
Perlis.
Tel.: 04 976 0087/7470
Faks.: 04 976 1921

PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI PERAK

Pengurus Besar Negeri (Perak)
Bahagian Pembahagian TNB
Aras 2, Wisma TNB,
Jalan Lahat,
30200 Ipoh,
Perak.
Tel.: 05 208 8000/8101
Faks.: 05 254 5199

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
KEDAH**

Pengurus Besar Negeri (Kedah)
Bahagian Pembahagian TNB
Aras 8, Wisma TNB,
887, Jalan Sultan Badlishah,
05990 Alor Setar,
Kedah.
Tel.: 04 774 5600/5602
Faks.: 04 732 4185

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
PULAU PINANG**

Pengurus Besar Negeri (Pulau Pinang)
Bahagian Pembahagian TNB
Aras 9, Wisma TNB,
30, Jalan Anson,
10400 Pulau Pinang.
Tel.: 04 222 4000/4102
Faks.: 04 227 3110

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
PAHANG**

Pengurus Besar Negeri (Pahang)
Bahagian Pembahagian
Tenaga Nasional Berhad
Aras 13, Wisma TNB
Lot 14, Seksyen 19,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan,
Pahang.
Tel.: 09 515 5555/5500
Faks.: 09 515 5656

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
JOHOR**

Pengurus Besar Negeri (Johor)
Bahagian Pembahagian
Tenaga Nasional Berhad
Tingkat 14, Wisma TNB,
Jalan Yahya Awal,
80100 Johor Bahru,
Johor.
Tel: 07 219 2000
Faks.: 07 223 1425

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
TERENGGANU**

Pengurus Besar Negeri (Terengganu)
Bahagian Pembahagian TNB
Jalan Cherong Lanjut,
20673 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel.: 09 622 3022/1408
Faks.: 04 624 3896

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
KELANTAN**

Pengurus Besar Negeri (Kelantan)
Bahagian Pembahagian
Tenaga Nasional Berhad
Aras 9, Wisma TNB,
Jalan Tok Hakim,
15000 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel.: 09 745 1100/1110
Faks.: 09 744 9161

**PEJABAT PEMBAHAGIAN NEGERI
MELAKA**

Pengurus Besar Negeri (Melaka)
Bahagian Pembahagian
Tenaga Nasional Berhad
Tingkat Mezzanine,
Jalan Banda Kaba,
Karung Berkunci 1005,
75990 Melaka.
Tel.: 06 282 8544
Faks.: 06 284 2112

LAMPIRAN


LABEL SIRIM-ST



METER ELEKTRIK YANG DILEKATKAN
DENGAN LABEL SIRIM-ST



CARTA ALIRAN PROSEDUR PENUKARAN METER ELEKTRIK OLEH PEMEGANG LESEN



Tarikh:

Kepada:

<Nama pengguna>

<Alamat premis pengguna>

Tuan/Puan/Cik/Tetuan

NOTIS PENUKARAN METER DAN GANGGUAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK

<Nombor Akaun Pengguna>

Untuk makluman, pihak <nama pemegang lesen> sedang dalam proses menukar meter-meter elektrik di mana proses penukaran meter ini adalah di atas faktor <penurunan kejitian meter/rosak/tamat tempoh hayat meter>. Proses ini perlu dijalankan bagi memastikan meter elektrik sentiasa berfungsi di dalam keadaan baik dan merekodkan bacaan kuantiti elektrik yang dibekalkan adalah tepat dan konsisten.

Pihak <nama pemegang lesen> mendapati meter di premis tuan/puan perlu ditukar disebabkan oleh salah satu faktor di atas. Sehubungan dengan itu, pihak <nama pemegang lesen> akan mengambil langkah untuk menukar meter tersebut di premis tuan/puan. Tiada sebarang caj akan dikenakan untuk proses penukaran meter di premis tuan/puan.

Adalah dimaklumkan bahawa bekalan elektrik di premis tuan/puan di <alamat premis pengguna> akan diberhentikan/diganggu sementara pada <tarikh> dari <masa mula> hingga <masa tamat> selama <anggaran masa tempoh gangguan sementara bekalan elektrik> bagi tujuan PENUKARAN METER ELEKTRIK BERKENAAN.

Bersama-sama ini dikembarkan Notis Pemberhentian/Gangguan Sementara Bekalan Elektrik seperti yang diperuntukan di bawah subperaturan 6A(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen.

Untuk sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi saluran berikut:-

Nama Pemegang Lesen	: <nama pemegang lesen>
Nama Pegawai Bertanggungjawab	: <nama pegawai yang bertanggungjawab>
Alamat	<alamat pejabat>
	<nombor telefon>
	<alamat emel untuk dihubungi>

Sekian, terima kasih.

.....
<Nama pegawai>

<Nama pemegang lesen>

Borang B
[subperaturan 6A(2)]

MALAYSIA

NEGERI.....

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Kepada:

.....
.....

Tuan/Puan/Cik/Tetuan,

NOTIS PEMBERHENTIAN/GANGGUAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK

Dimaklumkan bahawa bekalan elektrik di.....
(alamat pengguna/kawasan yang akan terjejas) akan diberhentikan/diganggu sementara pada
.....(tarikh) dari.....hingga(masa) bagi tujuan
.....(sila nyatakan).

Nama Pemegang Lesen :
Alamat :
:
:
Nombor telefon :
Tarikh :

Rujukan:

Tarikh:

Tuan/Puan/Cik/Tetuan,

MAKLUMAN BERHUBUNG PENUKARAN METER ELEKTRIK

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 32, Akta Bekalan Elektrik 1990, pihak <nama pemegang lesen> adalah dikehendaki untuk menyediakan dan memasang meter elektrik yang bersesuaian di premis pengguna. Sehubungan dengan itu, meter elektrik yang tidak bersesuaian dan tidak lagi berupaya merekodkan bacaan kuantiti bekalan elektrik yang tepat hendaklah ditukar kepada meter yang baru.

3. Oleh yang demikian, pihak <nama pemegang lesen> akan menjalankan kerja-kerja penukaran meter elektrik di premis tuan di mana meter tersebut ditukar atas faktor <penurunan kejituan meter/rosak/tamat tempoh hayat meter>. **Tiada sebarang caj akan dikenakan untuk penukaran meter di premis tuan/puan.**

4. Untuk sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi saluran berikut:-

Nama Pemegang Lesen	: <nama pemegang lesen>
Nama Pegawai Bertanggungjawab	: <nama pegawai yang bertanggungjawab>
Alamat	<alamat pejabat>
	<nombor telefon>
	<alamat emel untuk dihubungi>

Sekian, terima kasih.

.....
 <nama Pegawai>
 <nama pemegang lesen>

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja penukaran meter telah disiapkan oleh pihak <nama pemegang lesen>.

.....
 Nama Pengguna/Wakil:

Tarikh:

Rujukan:
Tarikh:

Tuan/Puan/Cik/Tetuan,

**MAKLUMAN BERHUBUNG PENUKARAN METER ELEKTRIK
- TEMUJANJI UNTUK KERJA PENUKARAN METER ELEKTRIK**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, pihak <nama pemegang lesen> sedang dalam proses menukar meter-meter elektrik di mana proses penukaran meter ini adalah di atas faktor <penurunan kejituan meter/rosak/tamat tempoh hayat meter>. Proses ini perlu dijalankan bagi memastikan meter elektrik sentiasa berfungsi di dalam keadaan baik dan merekodkan bacaan kuantiti elektrik yang dibekalkan adalah tepat dan konsisten.

3. Pihak <nama pemegang lesen> telah datang ke premis tuan/puan pada
Walau bagaimanapun pihak kami tidak dapat akses meter elektrik di premis tuan/puan.

4. Kami memohon kerjasama tuan/puan untuk menghubungi pegawai pihak <nama pemegang lesen> di bawah supaya tarikh penukaran meter elektrik berkaitan dapat diatur dalam tempoh terdekat.

Pegawai <nama pemegang lesen> yang boleh dihubungi:

Nombor telefon:

Emel:

5. Untuk sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi pihak <nama pemegang lesen> melalui saluran berikut:-

Telefon/faks:

Emel:

Laman sesawang:

Sekian, terima kasih.

.....

<nama Pegawai>


<nama pemegang lesen>

PENDAWAIAN TERBUKA
(SURFACE WIRING)

Foto Pendawaian Terbuka Pada Papan Meter



Gambar Rajah Susun Atur Pendawaian Terbuka (Pandangan Sisi)



Gambar Rajah Susun Atur Pendawaian Terbuka (Pandangan Hadapan)

